

Contoh Kedua:

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ جَمِيلٍ، عَنْ الْوَظِيِّ بْنِ عَطَاءٍ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «جَبَلُ الْخَلِيلِ جَبَلٌ مُقَدَّسٌ، وَإِنَّ الْفِتْنَةَ لَمَّا ظَهَرَتْ فِي بَنِي إِسْرَائِيلَ أَوْحَى اللَّهُ تَعَالَى إِلَى أَنْبِيَائِهِمْ أَنْ يَفِرُّوا بِدِينِهِمْ إِلَى جَبَلِ الْخَلِيلِ».

Bermaksud: Rasulullah s.a.w. (dikatakan) bersabda: “Bukit al-Khalil adalah sebuah bukit suci. Sesungguhnya bila berlaku fitnah di kalangan Bani Isra’il, Allah mewahyukan kepada para nabi mereka supaya lari membawa agama mereka ke bukit Khalil.”

Rujukan:

Nu’aim bin Hammaad – Kitab al-Fitan j.1 m/s 247, Ibnu ‘Asākir – Tarikh Dimasyq j.2 m/s 349, as-Suyuthi – Jāmi’ al-Aḥādīts j.12 m/s 33, al-Munāwi – Faidhul Qadīr Syarḥ al-Jāmi’ as-Shaghīr j.3 m/s 344, al-Albāni – Silsilatul Aḥādīts ad-Dha’ifah Wa al-Maudhū’āt j.2 m/s 326.

Komentar:

(1) Contoh kedua di atas telah dikemukakan dengan isnad Nu’aim bin Hammaad di dalam kitabnya al-Fitan.

Terdapat tiga sebab kedha’ifannya yang teruk:

(i) Ia hanya satu riwayat mursal. Tidak diketahui al-Wadhīn ini meriwayatkan secara langsung daripada mana-mana sahabat Nabi s.a.w. Dia dikatakan meriwayatkan hadits daripada Khalid bin Ma’dān dan Maḥfūzh bin ‘Alqamah. Kedua-dua mereka ini bukan sahabat Nabi s.a.w. Oleh itu riwayatnya ini berkemungkinan juga merupakan satu riwayat mu’dhal iaitu riwayat yang terbuang atau tidak disebutkan dua orang perawi di dalam sanadnya.

Tidak sepakat para ‘ulama’ Rijāl tentang ketsiqahannya. Walaupun ada yang mentsiqahkannya, namun Ibnu Sa’ad, al-Jauzajāni, Ibnu Qāni’, Abu Haatim dan lain-lain mengatakan dia dha’if. Selain itu dia juga berfahaman Qadariyah. Al-Wadhīn meninggal dunia pada tahun 149 Hijrah. (Lihat al-Khazraji – Khulashatu Tadhīb Tahdzīb al-Kamāl m/s 420).

(ii) Muhammad bin Ḥimyar walaupun dikatakan tsiqah oleh Duḥaim dan Ibnu Maʿīn, namun Abu Haatim mengatakan hadits-haditsnya boleh ditulis tetapi dia tidak hujjah.

(iii) Pengarang Kitab al-Fitan itu sendiri Nuʿaim bin Ḥammaad adalah seorang perawi yang sangat dhaʿif (ضعيف جدا). Sekumpulan ʿulamaʿ memang telah memujinya, namun tokoh seperti an-Nasaaʿi dan lain-lain ʿulamaʿ Rijāl hadits pula mendhaʿifkannya. Antara tabiʿat buruknya ialah meriwayatkan hadits-hadits yang munkar daripada perawi-perawi yang tsiqāt. Al-Azdi bahkan berkata, “Nuʿaim termasuk dalam orang-orang yang mengada-ngadakan hadits untuk menguatkan as-Sunnah. Dia juga telah mengada-ngadakan banyak cerita palsu untuk memburuk-burukkan an-Nuʿmān (Imam Abu Hanifah). Semuanya adalah dusta.” Nuʿaim bin Hammaad meninggal dunia pada tahun 228 Hijrah. (Lihat Mīzān al-Iʿtidāl j.4 m/s 269).

(2) Ibnu ʿAsākir juga mengemukakan riwayat yang sama dengan sanad Nuʿaim itu melalui saluran Ibrahim bin Nāshih. Sedangkan Ibrahim bin Nāshih hanyalah perawi matrūkul ḥadīth. Ibnu Mardawaih di dalam Tarīkh-nya telah menyebutkan, Ibrahim banyak meriwayatkan hadits-hadits munkar.

(3) Banyak perkara yang tidak jelas tersebut di dalam riwayat contoh kedua itu. Antaranya:

(i) Tidak diketahui di manakah terletak Bukit al-Khalil itu. Al-Amīr as-Shanʿāni di dalam at-Tanwīr Syarḥ al-Jāmiʿ as-Shaghīr mengatakan “Aku tidak tahu (di mana) tempatnya. Aku juga tidak menemuinya di dalam al-Qāmūs.” (Lihat at-Tanwīr Syarḥ al-Jāmiʿ as-Shaghīr j.5 m/s 259).

(ii) Fitnah apakah yang dimaksudkan di dalam riwayat itu, sehingga para nabi Bani Israʿil dikatakan telah membawa lari umat masing-masing ke Bukit al-Khalil, fitnah yang berlaku di kalangan Bani Israʿil banyak, yang mana satu daripadanya dimaksudkan?! Di zaman Nabi Musa a.s. lagi telah berlaku beberapa fitnah yang dahsyat, namun tidak pernah tersebut pula Nabi Musa a.s. membawa lari umatnya ke bukit tersebut!

(iii) Siapakah sebenarnya yang dimaksudkan dengan al-Khalil itu, adakah Nabi Ibrahim a.s. atau orang lain?

(iv) Tidak tersebut dengan jelas nama seorang pun daripada nabi-nabi Bani Isra'il yang dikatakan telah membawa lari umat masing-masing apabila berlaku fitnah. Sejarah Bani Isra'il itu terlalu panjang. Ia bermula dari zaman Nabi Ya'qub lagi hingga sampai ke zaman Nabi 'Isa a.s. Kalau ia memang wujud, tentu sekali diketahui oleh mereka di mana tempatnya.

(v) Riwayat itu seolah-olahnya menggambarkan semua nabi Bani Isra'il atau kebanyakan mereka memang melakukan begitu apabila berlaku fitnah. Tetapi tidak terdapat pula riwayat-riwayat yang sahih menyatakan begitu. Riwayat seperti inilah yang dikatakan munkar. Dan riwayat munkar itu paling tidak adalah riwayat yang dha'if sangat menurut istilah 'ulama' hadits, kalau tidak maudhu' pun.

(4) Untuk menerima sesuatu tempat sebagai tempat yang suci, semestinya ia tersebut di dalam al-Qur'an ataupun hadits yang sahih sebagai tempat suci. Hadits yang dha'if sangat seperti hadits contoh kedua itu ataupun hadits maudhu' sama sekali tidak boleh dijadikan hujah dalam agama.

(5) Riwayat-riwayat seperti inilah biasanya menjadi punca bagi tersebarnya banyak khurafat, tahayul dan bid'ah di kalangan umat manusia. Apabila sesebuah bukit dikaitkan dengan sesuatu peristiwa yang dianggap penting dalam agama, maka mulalah perkara-perkara yang karut-marut merebak di sana.

Contoh Ketiga:

حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ الْمُبَارَكِ، ثَنَا إِسْمَاعِيلُ بْنُ أَبِي أُوَيْسٍ، حَدَّثَنِي كَثِيرُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ الْمَرْزِيُّ، عَنْ أَبِيهِ، عَنْ جَدِّهِ، قَالَ: غَزَوْنَا مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَوَّلَ غَزْوَةٍ غَزَاهَا الْأَنْبَاءُ حَتَّى إِذَا كُنَّا بِالرُّوحَاءِ نَزَلَ بِعِزْقِ الظَّنْبَةِ فَصَلَّى ثُمَّ قَالَ: «هَلْ تَذَرُونَ مَا اسْمُ هَذَا الْجَبَلِ؟» قَالُوا: اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَعْلَمُ، قَالَ: «هَذَا (حَمَتٌ) جَبَلٌ مِنْ جِبَالِ الْجَنَّةِ، اللَّهُمَّ بَارِكْ فِيهِ وَبَارِكْ لِأَهْلِهِ فِيهِ» وَقَالَ لِلرُّوحَاءِ: «هَذِهِ سَجَاسِجٌ وَإِدْ مِنْ أُوَيْيَةِ الْجَنَّةِ، لَقَدْ صَلَّيْتُ فِي هَذَا الْمَسْجِدِ قَبْلِي سَبْعُونَ نَبِيًّا وَلَقَدْ مَرَّ بِهَا مُوسَى عَلَيْهِ عِبَاءَتَانِ قَطَوَانِيَّتَانِ عَلَى نَاقَةٍ وَرُقَاءَ فِي سَبْعِينَ أَلْفَ مِنْ بَنِي إِسْرَائِيلَ حَاجِينَ النَّبِيتِ الْعَتِيقِ، وَلَا تَمُرُّ السَّاعَةُ حَتَّى يَمُرَّ بِهَا عِيسَى ابْنُ مَرْيَمَ عَبْدُ اللَّهِ وَرَسُولُهُ حَاجًّا أَوْ مُعْتَمِرًا أَوْ يَجْمَعُ اللَّهُ لَهُ ذَلِكَ».

Bermaksud: Katsir bin 'Abdillah al-Muzani meriwayatkan daripada ayahnya daripada datuknya, kata datuknya: "Kami menyertai Rasulullah s.a.w. dalam peperangan pertama yang dilancarkan oleh Baginda, iaitu al-Abwā'. Apabila kami telah sampai di ar-Rauhā', Baginda berhenti di 'Arqi az-Zhabyah lalu bersembahyang (di situ), kemudian bersabda: "Tahukah kamu apa nama bukit ini?" Mereka (para sahabat)

menjawab: “Allah dan RasulNya lebih mengetahui.” Kata Rasulullah s.a.w.: “Ini adalah (Ĥamat) salah satu bukit syurga. Ya Allah, berkatilah bukit ini dan berkatilah penduduknya.”

Untuk ar-Rauĥā’ pula Nabi s.a.w. bersabda: “Tanah rata ini adalah salah satu lembah daripada lembah-lembah syurga. Tujuh puluh orang nabi sebelumku telah bersembahyang di masjid ini. Nabi Musa a.s. (juga) telah lalu di sini. Dia memakai dua jubah Qathawāni yang tidak berlengan sambil menaiki unta kelabu bersama-sama tujuh puluh ribu orang dari kalangan Bani Isra’il. Mereka datang untuk mengerjakan haji di al-Baitil ‘Atīq. Kiamat tidak akan berlaku selagi ‘Isa bin Maryam, Hamba Allah dan RasulNya itu tidak lalu di sini untuk mengerjakan haji atau ‘umrah, atau Allah akan mengumpulkan kedua-duanya untuk Beliau (Nabi ‘Isa a.s.).”

Rujukan:

At-Thabaraani – al-Mu‘jam al-Kabir j.17 m/s 16, Ibnu Syabbah – Tarīkh al-Madīnah j.1 m/s 80, al-Haitsami – Majma‘ az-Zawā‘id j.6 m/s 68, as-Suyuthi – Jāmi‘ al-Aĥādīts j.22 m/s 330, Ibnu ‘Adi – al-Kāmil j.6 m/s 58.

Komentar:

(1) Contoh ketiga di atas dengan sanadnya adalah berdasarkan riwayat at-Thabaraani di dalam al-Mu‘jam al-Kabīrnya. Perkataan yang berada di dalam tanda kurungan (حمت) itu tidak ada (gugur) di dalam riwayat at-Thabaraani edisi Maktabah asy-Syamilah dan edisi cetakan Maktabah Ibnu Taimiyyah Qahirah, Mesir. Ia ditambah berdasarkan riwayat Ibnu Syabbah, al-Haitsami, Ibnu ‘Adi, as-Suyuthi dan lain-lain di dalam kitab mereka masing-masing. Semua mereka mengaitkan hadits itu dengan riwayat at-Thabaraani, dan tambahan perkataan itu ada di dalam nukilan semua mereka.

Dengan sanad yang sama juga Ibnu Syabbah meriwayatkannya di dalam kitabnya Tarīkh al-Madīnah.

(2) Riwayat ini juga berpunca daripada Katsīr bin ‘Abdillah perawi bagi riwayat contoh pertama di bawah Usul ke-65 ini. Kedudukan Katsīr pada pandangan ‘ulama’ Rijāl hadits telah pun dikemukakan di sana. Secara ringkas dapatlah dikatakan riwayatnya di

sisi mereka dihukum sebagai dha'if sangat. Kerana dia adalah seorang perawi yang sangat dha'if, bahkan dia telah dikatakan juga sebagai pendusta.

(3) Dengan menerima bukit Ĥamat sebagai bukit syurga bererti ada lebih dari empat bukit di dunia ini berasal dari syurga. Sedangkan riwayat contoh pertama telah pun menyebutkan empat bukit sahaja dari syurga. Di situ sudah ada idhthirāb dan ketidaktetapan bilangan bukit syurga di dunia ini. Jika diambil kira beberapa riwayat maudhu' yang lain lagi niscaya terdapat banyak lagi bukit di dunia ini yang dikaitkan dengan syurga. Mana satu daripadanya yang harus diterima, tidak dapat ditentukan!

(4) Di dalam riwayat contoh ketiga ini juga terdapat da'waan bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda tentang ar-Rauhā' sebagai salah satu lembah daripada lembah-lembah syurga. Sedangkan kenyataan seperti ini tidak terdapat di dalam riwayat-riwayat yang sahih. Di mana pula letaknya ar-Rauhā' itu? Ia terletak sejauh 4 barid' (kira-kira 48 batu) dari Madinah. Adakah ia nama lain bagi bukit Wariqān yang tersebut di dalam riwayat contoh pertama? Tidak dapat dipastikan!

(5) Hadits contoh ketiga ini menggambarkan pada tahun pertama atau kedua Hijrah sudah pun ada di ar-Rauhā' itu sebuah masjid yang besar dan luas. Ia telah dikunjungi oleh tujuh puluh orang nabi. Mereka telah bersembahyang di dalamnya sebelum Nabi kita Muhammad s.a.w. Nabi Musa a.s. pula telah pergi ke masjid itu bersama tujuh puluh ribu orang pengikutnya dari kalangan Bani Isra'il. Tentu sekali Baginda juga telah bersembahyang bersama mereka di dalamnya. Siapa agaknya yang telah membina masjid sebesar itu di sana sebelum Nabi kita Muhammad s.a.w.?

(6) Perenggan pertama riwayat tidak menampakkan ada masjid di ar-Rauhā' ataupun di 'Arqi az-Zhabyah. Di dalamnya hanya tersebut Nabi s.a.w. bersembahyang di situ. Di dalam perenggan kedua tiba-tiba tersebut tujuh puluh orang nabi telah pun bersembahyang di dalam masjid ini sebelumku. Nampak sangat tidak ada kesinambungan di antara dua perenggan riwayat berkenaan.

Usul (66) Hadits-hadits yang menyatakan kelebihan bersembahyang dengan berserban sama ada pada hari tertentu atau secara mutlaq atau untuk mengerjakan sembahyang tertentu tidak ada yang sahih. Semuanya dha'if atau dha'if sangat. Banyak juga daripadanya maudhu'. Di bawah ini adalah sebahagian daripada contohnya.